



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI:PSUKPP/05/0755/
2/Klt.2 (35)

TARIKH : 08 Zulkaedah 1433
9 Oktober 2012

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Agensi Negeri

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGAGIHAN KOMPUTER RIBA, KOMPUTER PERIBADI DAN PENCETAK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan mengenai pengagihan komputer riba (*notebook*), komputer peribadi (PC) dan pencetak di jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG

2. Polisi agihan kemudahan ICT semasa yang dilaksana di pentadbiran negeri adalah selaras dengan sasaran penyediaan kemudahan ICT agar dapat menyokong keperluan penggunaan ICT yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Polisi ini sentiasa dikaji semula oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri

(PTMKN) dan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemandu *Electronic Good Governance* (JKP eGG) untuk pelaksanaannya.

3. Bagi tujuan memantap dan menzahirkan polisi yang diguna pakai ini maka garis panduan yang lebih jelas telah disediakan (Lampiran 'A') serta telah diluluskan JKP eGG pada 6 Julai 2012.


PEMAKAIAN

4. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Jabatan Negeri Pulau Pinang dan untuk diterima pakai oleh semua Agensi Negeri.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[DATO' FARIZAN BIN DARUS]